



Pembangunan bandar mesti seimbang - Perdana Menteri

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Mac 9, 2023 @ 11:23am
mohd_iskandar@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semua pihak berkuasa tempatan (PBT) memberi tumpuan kepada perancangan bandar yang seimbang supaya tidak lagi meminggirkan rakyat.

Perdana Menteri berkata, kewujudan golongan miskin bandar dan isu kesesakan jalan raya hari ini, menunjukkan adanya kelemahan akibat perancangan yang tidak seimbang.

"Kita lihat umpamanya keadaan tidak terkawal dan lebih parah apabila ada kesenjangan kerana kota juga menzahirkan kawasan sesak, miskin bandar.

"Maknanya, perancangan kita ada kelemahan. Kita bangunkan bangunan yang tersergam indah, projek mega tetapi kita lupa bahawa (rakyat) yang bekerja itu memerlukan perumahan. Perumahan itu ketinggalan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Festival Taman Kuala Lumpur 2023 di Taman Tasik Titiwangsa di sini, hari ini.

Yang turut hadir, isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming; Speaker Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Anwar berkata, bandar raya bermakna memberi keselesaan kepada rakyat, iaitu keseimbangan antara fizikal dan alam semula jadi.

Tegasnya, masih belum terlambat untuk melaksanakan perancangan pembangunan yang seimbang supaya menjadi contoh menerusi gagasan Malaysia Madani.

"Kita hanya memikirkan gedung kerana gedung itu memberi pulangan lebih baik tetapi kita lupa manusia yang bekerja itu, bukan semuanya pemilik gedung.

"Akhirnya, apabila nak bangunkan perumahan, kos sudah meningkat. Kos tanah melambung tinggi dan perancangan dari kota besar sangat penting dan sebab itu, saya katakan tidak terlalu terlambat tetapi sudah tenat," katanya.

Mengulas mengenai penganjuran festival itu, Perdana Menteri menzahirkan rasa bangga kerana acara terbabit mencerminkan hasratnya yang mahu melihat keseimbangan di antara pembangunan dan keindahan alam sekitar

"Dalam usaha kita termasuk di bandar raya, saya bangga kerana kejayaan pesta taman ini kerana kita mahu kota kita, bukan sahaja tersergam denga, bangunan tinggi tetapi juga taman yang indah.

"Manfaatkanlah waktu ini supaya kita dapat menyeimbangkan pemerkasaan ekonomi, pemerkasaan budaya dan inilah maksud madani," katanya.

Festival Taman Kuala Lumpur 2023 bermula sejak 4 Mac lalu sehingga Ahad ini, bertemakan Laman Seni dan Flora Malaysia.

Pelbagai pengisian acara disajikan sepanjang festival terbabit antaranya pameran, pertandingan, jualan dan persembahan.

Penganjuran festival itu lebih bermakna apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendapat dua pengiktaran daripada Malaysia Book of Record dalam menempatkan 50,000 pokok daripada 5,120 spesis dalam satu pameran dan hiasan riben sepanjang 60 meter dengan 17,150 ikatan daripada 35 jenis tona warna riben diperbuat daripada kain satin.